

EU berisiko mulakan perang dagangan

BH
- 29/3/2019
ML: 2

➔ Susulan dasar tidak adil bertujuan kurangkan guna minyak sawit: PM

Langkawi

Kesatuan Eropah (EU) berisiko memulakan perang dagangan dengan Malaysia susulan dasar tidak adilnya yang bertujuan mengurangkan penggunaan minyak sawit, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad.

Suruhanjaya Eropah, bulan ini, menyimpulkan bahawa penanaman sawit mengakibatkan penebangan hutan keterlaluan dan penggunaannya sebagai bahan bakar kenderaan patut dihentikan menjelang 2030.

Malaysia sebagai negara pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia, bergantung kepada hasil tanaman itu untuk tukaran mata wang asing bernilai berbilion dolar AS dan ribuan peluang pekerjaan.

Dr Mahathir berkata, sikap dingin EU terhadap minyak sawit, komoditi yang digunakan dalam kebanyakan barang dari coklat sehingga gincu, sebagai tindakan melindungi bahan alternatif yang

dihasilkan negara Eropah seperti minyak bijian lain.

“Melakukan perkara itu untuk menang perang dagangan adalah tidak adil.

“Perang dagangan adalah sesuatu yang tidak kita mahukan, tetapi adalah tidak adil untuk orang kaya cuba menyebabkan orang miskin papa kedana,” katanya kepada *REUTERS* dalam satu temu bual di sini.

Goldman dibenar jalankan perniagaan jika ikut syarat

Mengulas mengenai peranan Goldman Sachs dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Dr Mahathir berkata Goldman hanya akan dibenarkan menjalankan perniagaan di Malaysia jika mereka mengikut syarat ditetapkan.

“Ini kerana mereka tidak cermat, mereka seharusnya menyelidik terlebih dahulu latar belakang peminjam dengan teliti.

“Malaysia bagaimanapun bersedia untuk berunding dengan bank itu,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Kewangan,



Dr Mahathir melawat pameran di LIMA '19 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), semalam.

Lim Guan Eng, meminta Goldman Sachs membayar AS\$7.5 bilion kepada kerajaan susulan peranannya dalam skandal 1MDB.

Mengenai spekulasi Kerajaan Malaysia akan menjual sebahagian daripada PETRONAS bagi mengurangkan bebanan hutang negara

susulan skandal 1MDB, Dr Mahathir menafikannya.

Tak rancang jual PETRONAS

“Ia sentiasa memberi peluang yang baik kepada kerajaan. Kami tiada rancangan untuk menswastakan atau menjual PETRONAS,”

katanya.

Mengenai janji beliau untuk melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata: “Saya akan berundur apabila tiba masanya...tetapi kami belum tetapkan tarikhnya.”

REUTERS